

25 SEP 2001

Hamid-Tilawah

PEMBANGUNAN NEGARA DAN UMMAH DIRANCANG MENGIKUT AL-QURAN

KUANTAN, 25 Sept (Bernama) -- Pembangunan negara dan ummah yang dirancang kerajaan adalah berdasarkan kehendak seperti yang terkandung di dalam Al-Quran, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brig. Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Katanya, pembangunan yang dibuat kerajaan pada masa ini bukan pembaziran tetapi lebih kepada memberikan keselesaan kepada umat Islam terutama bagi memudahkan mereka beribadah untuk mendekati diri dengan Allah.

"Segala rancangan itu juga bertujuan untuk mengangkat martabat umat Islam itu sendiri kerana ummat Islam bukan umat yang harus berada dipinggiran, tetapi semestinya berada di tengah-tengah dan menjadi paksi kepada manusia," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-44 di sini hari ini.

Datuk Abdul Hamid mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Majlis Tilawah itu akan bermula malam ini sehingga 29 Sept, di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan.

Abdul Hamid berkata, dalam usaha melahirkan masyarakat Islam yang berilmu, kerajaan dengan mengikuti ayat pertama yang diturunkan (Iqra), sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana yang mencukupi bagi memastikan budaya menuntut ilmu dapat di suburkan dikalangan masyarakat umat islam.

Menurutnya, dengan adanya prasarana yang mencukupi, kerajaan akan dapat memberikan peluang kepada seluruh umat Islam di negara ini untuk menuntut ilmu dalam pelbagai bidang supaya tidak ketinggalan dalam menempuh dunia yang penuh dengan saingan yang hebat dan mencabar.

Tilawah lima hari itu, disertai seramai 27 qari dan qariah dari seluruh negara kecuali Kelantan dan Terengganu yang hanya di sertai seorang qari dari negeri masing-masing.

Pada malam perasmian itu, dua qari, Othman Azumi Ahmad (Kedah) dan Aziz Mustakim (Johor) dan seorang qariah, Che Aminah Che Awang (Wilayah Persekutuan) telah menyampaikan bacaan mereka.

-- BERNAMA

HIS ZB